

DPP MAS JEMPUT PELAJAR TAHFIZ IMAM TARAWIH

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 14 Ogos 2010 12:36**Kepada:** UUM - All Staff; UUM All Student; Info UUM - JPR**14 OGOS 2010/4 RAMADAN 1431H**

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: SUKACITA dimaklumkan bahawa Biro Kerohanian dan Sahsiah, Dewan Penginapan Pelajar (DPP) MAS Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan **Program Ibadah Solat Tarawih** bersempena bulan Ramadan.

Sehubungan dengan itu, DPP MAS telah menjemput dua pelajar hafiz (saudara Asyraf Masri dan Abu Bakar) dari Madrasah Jitra bagi mengimamkan solat tarawih di Dewan Bunga Raya DPP MAS sepanjang bulan Ramadan ini.

Solat tarawih tersebut diadakan sebanyak 23 rakaat. Satu setengah juzuk dibaca setiap hari dan dijangka akan mengkhatamkan Al-Quran pada malam 23 Ramadan 1431H bersamaan 2 September 2010 (Khamis).

Pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi saudara Muhammad Asyraf bin Mohd Kassim (Pengarah program) di talian 016-441 7860.